KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	15/1/2022 (SABTU)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kosmo 15.1.2022_12

Orang Asli berkurung dalam rumah takut kelibat pak belang

GUA MUSANG – Lebih 1,000 penduduk Orang Asli di Pos Bihai di sini patuh dengan arahan pihak berkuasa apabila mereka berkurung di dalam rumah kerana bimbang sekiranya harimau belang yang masih bebas berkeliaran masuk ke kawasan kampung mereka.


Penghulu Pos Bihai, Alang Segan berkata, tindakan itu dilakukan kerana ingin menghindarkan diri dan keluarga daripada terserempak dengan 'pak belang'.

Katanya, penduduk di 12 kampung di Pos Bihai di sini, hanya berkurung di dalam rumah dan tidak melakukan aktiviti di dalam hutan.

"Kami dimaklumkan ada penduduk yang melihat harimau di Kampung Tendrik, Kampung Bihai Lama dan Kampung Piyel.

"Kami tidak mahu membahayakan nyawa terutamanya anak yang masih kecil. Lebih baik kami berkurung sahaja dalam rumah," katanya ketika ditemui *Kosmo!* semalam.

Seorang penduduk Kampung Tendrik, Pelinejon Assut, 38, pula berkata, sejak harimau muncul di kampung itu sebulan lalu, penduduk Pos Bihai tidak keluar ke bandar Gua Musang kerana bimbang terserempak dengan pak belang di laluan jalan utama kampung mereka.



ORANG Asli berkurung di dalam rumah kerana bimbang sekiranya bertembung harimau belang di Pos Bihai, Gua Musang semalam.


'Kami makin takut nak masuk hutan'

KERATAN *Kosmo!* 9 Januari 2021.

Katanya, mereka bersyukur apabila mendapat bantuan sumbangan makanan daripada pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa), wakil rakyat dan pertubuhan bukan kerajaan.

Sebelum ini, lebih 2,000 penduduk Orang Asli di dua buah pos penempatan Orang Asli di sini dinasihatkan menangguhkan aktiviti di dalam hutan susulan ancaman harimau belang yang masih berkeliaran di kawasan itu.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendan Sik Choon Foo berkata, demi keselamatan nyawa, keluarga Orang Asli di Pos Bihai dan Pos Balar diminta untuk berada di rumah sahaja jika tidak mempunyai urusan penting.